

**TARBIYAH KELUARGA MELALUI AKTIVITI BERUSRAH: HURAIAN SURAH-SURAH PILIHAN DALAM JUZ AMMA DARI KITAB NAẒARĀT FĪ KITĀBILLAH**  
**FAMILY EDUCATION THROUGH USRAH ACTIVITY: SELECTED SURAH JUZ AMMA FROM KITAB NAẒARĀT FĪ KITĀBILLAH**

Siti Zaharah Hamid<sup>1</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>2</sup>, Sofiah Samsudin<sup>3</sup>, Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>4</sup> & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin<sup>5</sup>\*

<sup>1</sup> Calon Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, fatimahzahara0016@gmail.com.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, aburhamdi@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Profesor Madya, Faculty of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, IIUM, sofiah@iium.edu.my.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, farhah@kuis.edu.my.

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Citra UKM & Institut Islam Hadhari, UKM, [syaidatun@ukm.edu.my](mailto:syaidatun@ukm.edu.my)

\*Penulis penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

| Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

### Abstrak

Al-Quran diturunkan sebagai panduan hidup manusia yang mengandungi tarbiyah dalam pelbagai aspek, dan untuk memahaminya ilmu Tafsir telah membantu seseorang mendalami aspek tarbiyah dengan lebih terperinci. Kajian ini menfokuskan surah Makkiah sebagai tahap permulaan generasi Muslim yang menjadi asas utama dan telah menjadi contoh ikutan zaman berzaman. Zainab al-Ghazālī (ZAG) adalah tokoh mufassir wanita dari Mesir yang sangat berdedikasi dalam mendidik generasi Muslim melalui *tarbiyah farḍiyyah*, usrah dan ummah. Artikel ini berfokus kepada tarbiyah yang terdapat dalam tiga (3) surah Makkiah dalam *Jūz ‘Amma* yang telah digarap dari tafsir *Naẓarāt fī Kitābillah*, iaitu surah *al-Zalzalah*, *at-Takāthur*, dan *al-‘Aṣr*. Dengan menggunakan metode kualitatif kajian ini mendapati ZAG mengaplikasikan terjemahan secara langsung dengan kaedah *da’wī* dan *tarbawī*. Kajian ini turut membuktikan unsur-unsur tarbiyah dalam surah Makkiah dalam aktiviti berusrah berjaya membina generasi kepimpinan Muslim yang unggul sehingga dapat membina kerajaan Islam di serata dunia.

### Kata kunci

Zainab al-Ghazali, tarbiyah, usrah, tafsir, *Naẓarāt fī Kitābillah*

### Abstract

The Quran was revealed as a guidance for human beings. It contains the element of education in various aspects. Understanding the knowledge of Quranic exegesis has helped us to delve into aspects of family education into more details. This article focuses on Meccan surah as the beginning stage of the Muslim generation and the main foundation that was exemplified by the next generations. Zainab al-Ghazālī (ZAG) was a female exegete from Egypt who was a very dedicated person in educating the Muslim generation through individual, family, and ummah education. Hence, this article will focus on the family education which found in the three (3) surahs of *Jūz ‘Amma* which has been extracted from *Naẓarāt fī Kitābillah*, namely *al-Zalzalah*, *at-Takāthur*, and *al-‘Aṣr*. By adapting a qualitative method, this article found that ZAG used a direct

*translation with da'wī (preaching) and tarbawī (education) methods. This study also proves the elements of family education in Meccan surah in the usrah activity have succeeded in building a generation of superior Muslim leadership that have been the foundation of Islamic governments all around the world.*

**Keywords**

*Zainab al-Ghazali, education, family, exegesis, Nazarāt fi Kitābillah*

**1. Pendahuluan**

Islam sangat memberi penekanan terhadap kesatuan atau ikatan perpaduan penganutnya. Kesatuan atau ikatan dalam sesebuah keluarga dinamakan Usrah. Melalui Usrah umat Islam dapat memimpin umat Islam ke arah contoh-contoh terpuji di samping menguatkan ikatan yang sedia ada (Hodzori, Majid, & Abdullah, 2020). Selain itu, tahap ukhuwwah di antara sesama anggota boleh ditingkatkan, iaitu dengan merealisasikan teori dalam perbuatan dan amalan. Oleh itu, Muslim hendaklah memandang berat perkara ini dan bersedia untuk menjadi batu bata yang sihat lagi berguna kepada bangunan keluarga yang mulia ini iaitu keluarga Islam. Kesilapan memahami fungsi dan matlamat Usrah menyebabkan perjalanan Usrah menjadi lesu dan tidak bermaya serta tidak memberi apa-apa kesan pada peribadi dan juga pergerakan jamaah (Adabi, & Yusof, 2020).

Usrah dari sudut bahasa bermaksud keluarga, sedangkan menurut istilah dapat didefinisikan sebagai benteng daripada keciciran di medan dakwah, binaan daripada binaan dakwah, medan untuk meningkatkan individu, latihan sifat keikhlasan dan platform untuk meningkatkan hubungan (al-Bannā', 2003). Program Usrah merupakan batu bata pertama dalam pembinaan dan pembentukan organisasi tarbiyah. Hussin (2019) menegaskan bahawa usrah adalah institusi tarbiyyah yang paling berkesan untuk mendidik dan melahirkan insan haraki. Ini adalah kerana unit-unit usrah diwujudkan secara terancang dan tersusun, serta dilaksanakan sesuai dengan tahap keperluan anggota-anggota yang berada di dalamnya. Melalui anggota-anggota yang sudah memperlihatkan kecintaan terhadap Islam, mereka dididik dengan gambaran rupa bentuk Islam yang sebenar (Tasawwur Islam) dan kaedah-kaedah bagaimana cita-cita keislaman dapat diperjuangkan.

Usrah juga merupakan asas bagi pembinaan individu dan menjadi wasilah tarbiyah paling penting dalam mendidik individu dengan tarbiyah yang sempurna, kerana ia merupakan wasilah paling berkesan dan paling berjaya dalam melengkapkan ahli dengan kefahaman Islam, Iman dan Ihsan (Mas'ud, Awang, Ramli, & Shafi, S2021). Usrah juga merupakan unit terpenting dalam organisasi kerana merangkumi pembentukan seluruh aspek keperibadian individu. Usrah membentuk keperibadian Islam dalam diri individu sehingga ia menjadi ahli yang memiliki sifat-sifat yang dikehendaki oleh al-Quran dan al-Sunnah (Ab Ghani, Omar, Enh, & Kamaruddin, 2020).

'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd salah seorang ulama al-Azhar dalam bukunya *Wasā'il al-Tarbiyyah 'Inda Ikhwān al-Muslimīn* memberi definisi tentang Usrah secara bahasa dan sosiologi bahawa Usrah sebagai satu wadah pergerakan. Usrah dapat dikatakan

sebagai perisai perlindungan yang kukuh bagi setiap anggotanya. Manakala dari segi keanggotaan pula, ia seperti keluarga dan kaum kerabat. Usrah juga merupakan kumpulan yang terikat oleh kepentingan yang sama, iaitu; bekerja, mendidik, dan mempersiapkan kekuatan untuk Islam. Usrah menjadikan setiap anggotanya menjadi lebih kuat kerana bersama-sama dengan anggota yang lain. Selain itu Usrah juga mengharuskan anggotanya membayar yuran untuk kelak digunakan bagi kepentingan Usrah, pergerakan dan Islam (Maḥmūd, 2005). Manakala Ahmad (2005) dalam bukunya *Panduan Usrah* menyatakan bahawa usrah berasal dari kalimah Arab yang bermaksud keluarga. Rapatnya hubungan antara anggota Usrah menyebabkan kadang-kadang hubungan sesama anggota Usrah adalah lebih akrab daripada hubungan saudara sekeluarga. Dari segi istilah pula ia bermaksud kumpulan individu-individu Islam yang beriman kepada Allah SWT yang berusaha tolong menolong antara satu sama lain untuk memahami dan menghayati Islam.

Pendidikan Islam merangkumi aspek akidah, ibadah, syariah dan akhlak (Fakhrudin & Awang, 2020). Bagi menghayati pendidikan Islam, kefahaman yang jelas terhadap intipati al-Quran adalah amat penting khususnya melalui panduan yang diperolehi dari tafsir al-Quran dan ulasan mengenainya. Tafsir al-Quran *Nazarāt fī Kitābillah* adalah karangan Zainab al-Ghazālī al-Jubailī (ZAG), mufasir wanita kontemporari abad ke-20. Panduan dan arahan Islam yang termaktub di dalam sumber utamanya iaitu al-Quran, mengandungi banyak unsur-unsur tarbiyah atau Pendidikan (Mas'udah, 2018). Fokus kertas kajian ini adalah kepada kedua-dua jenis usrah iaitu aktiviti atau program usrah yang digunakan dalam gerakan Harakah Islamiyyah dan badan-badan Jemaah, serta usrah yang difahami sebagai keluarga yang terdiri daripada ibubapa dan anak-anak.

Kajian analisis terjemahan dari tafsir *Nazarāt fī Kitābillah* ini menampilkan tiga (3) contoh surah Makkiyah dalam *Juz Amma* yang telah digarap dari *Nazarāt fī Kitābillah*, iaitu surah *al-Zalzalah*, *at-Takāthur*, *al-‘Aṣr*, *al-Humazah*, *al-Fīl*, *al-Quraish*, dan *al-Kawthar*. Kaedah kajian dalam penulisan artikel ini adalah terjemahan secara langsung, berdasarkan tafsir *Nazarāt fī Kitābillah*. Tafsir ini menggunakan kaedah *da’wī* dan *tarbawī*. Dalam penulisan ini, terjemahan langsung dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu telah digunakan bagi mengekalkan maksud asal tafsir yang telah dilakukan oleh ZAG. Seterusnya, beberapa unsur-unsur tarbiyah usrah telah dikenalpasti dan dinyatakan pada akhir setiap surah dengan beberapa ulasan yang diperolehi dari *Tafsir al-Azhar* karangan HAMKA. Hasil dapatan kajian ini, diharapkan agar dapat digunakan dalam program-program usrah dan juga penerapan serta penghayatan dalam keluarga Muslim bagi mereka yang tidak menganggotai sebarang Jemaah Harakah Islamiyyah.

## 2. Zainab al-Ghazālī al-Jubailī

### 2.1. Biodata

Zainab Muḥammad al-Ghazālī al-Jubailī terkenal dengan sokongan padu terhadap Ikhwanul Muslimin dan melalui masa-masa sukar yang dialami di bawah pemerintahan Nassir (Al-Abdlie, 2019; Herry, 2019). Beliau dilahirkan pada 2 Januari 1917M/ 8 Rabiul Awal 1335H di Mayeet Yaisy sebuah desa di pusat Mayeet Ghumar dalam daerah al-Daqiliyah di daerah Buhairah, Mesir. ZAG menyebutkan bahawa keluarganya adalah asal Arab, memiliki nasab yang mulia. Nasab ayahnya Muḥammad al-Ghazālī al-Jubailī dari pihak bapanya bersambung hingga kepada Khalifah Umar al-Khattab RA dan di sebelah ibunya bersambung hingga kepada al-Hasan bin Ali bin Abi Talib RA. Ayah ZAG, di samping memiliki dan menjalankan perusahan kapas, merupakan salah

seorang dari ulama al-Azhar. Datuknya terkenal sebagai seorang saudagar kapas yang berjaya (al-Hashīmī, 1989).

## 2.2. Sumbangan Zainab al-Ghazalī al-Jubaiī

Perpustakaan ZAG termasuk di antara koleksi buku yang terbesar yang pernah wujud di kediaman tokoh ulama dan para faqih. Di dalamnya terhimpun kitab-kitab tafsir dan Fiqah, menambah kepada pelbagai ilmu Hadis dan kitab-kitab Dakwah dan Haraki. Di dalam perpustakaan ini terdapat kitab-kitab yang berusia lebih dari seratus tahun. Malah ZAG sendiri telah menghasilkan sejumlah besar buku-buku dan karya penulisannya. Di antaranya *Ilā Ibnatī* (Untuk Puteriku) dalam dua juzuk, *Mushkilāt al-Shabāb Wa al-Fatayāt Fī Marḥalah al-Murāḥaqah* (Problem Belia Lelaki dan Gadis di peringkat Remaja) dalam dua juzuk juga, *Naḥwa Bi'tha Jadīd* (Ke arah Kebangkitan Semula), *Ayyām Fī Ḥayātī* (Hari-hari Dalam Hidupku), *Nazarāt Fī al-Dīn Wa al-Ḥayāt* (Beberapa Pemerhatian Terhadap Agama Dan Kehidupan), *Sharḥ al-Arba'in al-Nawawiyah*, *Malak Wa Amal Sha'b* (Pemerintah dan Harapan Rakyat), *Nazarāt fī Kitābillah* (Beberapa Pemerhatian Terhadap Kitab Allah), *Asmā' Allah al-Ḥusnā* dan *Gharīzah al-Mar'ah* (Naluri Wanita). Sebahagian daripada hasil karya penulisannya telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa (Hāmid, 2007).

ZAG merupakan salah seorang pelopor perjuangan wanita Muslim di Mesir yang berbakat besar dalam bidang penulisan (Debian, 2017; Lewis, 2007). Beliau adalah editor bagi sebuah ruangan dalam majalah *al-Da'wah* bagi pembangunan rumah tangga Muslim yang sejati. Kata-kata yang beliau berikan amat bernas dan berlandaskan agama Islam. Ini terbukti apabila beliau mengeluarkan kenyataan dalam satu temu ramah di rumahnya pada tahun 1981. Melalui karya penulisan ZAG, seorang pembaca akan mengakui bahawa beliau benar-benar cediakawan wanita yang bijak, ilmuan ulung yang peka terhadap keperluan zaman dan situasi yang ada di lingkungannya (Rochmad, & Khaled, 2020). Persoalan ini di paparkan dalam bukunya *Nazarāt fī Kitābillah* dengan mentafsirkan surah al-Fatihah, 7 surah-surah panjang, al-Taubah, Yunus dan Hud. Sejarah penulisan tafsir ini bermula sejak berada dipenjara di mana al-Quran menjadi penghibur jiwanya. Beliau sering mencatat beberapa maklumat yang dapat difahami dari tafsir al-Quran, di tepi lembaran mashaf, tetapi al-Quran tersebut telah di rampas daripadanya dan tafsir tersebut belum sempat di sempurnakannya. Selepas ZAG di bebaskan, beliau memulakan kembali usaha mencatat pengertian al-Quran yang difahami. Akhirnya terbukti beliau berjaya menulis tafsirnya dan dicetak juzuk pertama pada tahun 1994, disemak oleh 'Abd al-Ḥay al-Farmāwī, Profesor Ilmu Tafsir di Universiti al-Azhar, Mesir (Adnan & Ahmad, 2009).

ZAG merupakan seorang tokoh pejuang wanita kontemporari yang tidak asing lagi dalam sejarah umat Islam. Beliau adalah pengasas Pertubuhan Wanita Islam '*Jama'at al-Sayyidat al-Muslimat*' dan penggerak kepada Pertubuhan Akhawat Muslimah. Perkara utama perjuangan ZAG adalah untuk memberi dan menyebarkan kefahaman Islam dalam pemikiran wanita, mendidik wanita mengenai hak-hak dan tanggungjawab mereka serta membawa perubahan dalam masyarakat yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan ahli sunnah. Pencerahan ilmu pendidikan dan dakwah oleh ZAG telah menarik ramai golongan wanita di Mesir bangkit dalam memperjuangkan hak-hak mereka. Keperibadian, keberanian dan keintelektual ZAG telah menaikkan taraf wanita dalam dunia dakwah dan politik Islam dan berjaya menghakis prejudis terhadap

kepimpinan wanita dalam masyarakat. Tegasnya, hasil perjuangan dan pemikiran beliau dapat dijadikan iktibar dan rujukan golongan wanita Islam dalam menghadapi cabaran dengan cara yang sebaik-baiknya (Ghazali, & Sabjan, M 2019).

### 3. Konsep Tarbiyah Dalam Islam

#### 3.1 Pengertian Tarbiyah

Istilah Tarbiyah berasal daripada tiga akar kata *Raba – yarbū* bermakna *zāda – nama* (bertambah dan subur). Pengertian ini terdapat dalam firman Allah SWT dalam surah al-Rum [30] ayat 39:

وَمَا آتَيْنَاكَ مِنْ رَبِّكَ لِيُزِيدَكَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَزِيدُكَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ إِلَّا كَثْرًا وَسِعًا  
وَمَا آتَيْنَاكَ مِنْ رَبِّكَ لِيُزِيدَكَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَزِيدُكَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ إِلَّا كَثْرًا وَسِعًا  
هُمُ الْمُضْغِفُونَ ٣٩

Maksudnya:

Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keridaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.

al-Rum (30): 39

Perkataan *rabbā - yarbū* bermaksud tumbuh dan berkembang. *Rabbā - yarubbu - tarbiyyatan* bermaksud memperbaiki, mengurus kepentingan, mengatur, menjaga dan memperlihatkan. Dalam al-Quran tidak ditemukan perkataan *al-tarbiyah*, namun terdapat istilah lain yang seakar dengannya, iaitu *al-rabb*, *rabbayānī*, *murabbī*, *yurbī*, dan *rabbānī*. Pada asasnya setiap perkataan tersebut mempunyai kesatuan makna, walaupun dalam konteks tertentu terdapat perbezaan (Mujib, 1997). Menurut al-Mawdūdī (1984), lafaz *rab* (رب) terdiri daripada dua huruf *rā'* dan *bā' tashdīd* yang merupakan pecahan daripada perkataan *tarbiyah* yang bererti pendidikan, pengasuhan, dan sebagainya. Selain itu, perkataan ini juga merangkumi pelbagai makna, seperti kekuasaan, persediaan, tanggungjawab, dan lain-lain. Lafaz *rab* bermaksud menyampaikan sesuatu sehingga mencapai kesempurnaan. Sehingga dikatakan *tarbiyah* kerana merujuk makna membetulkan sesuatu, menjaga dan memeliharanya sehingga mencapai kesempurnaan (Izzudin, 2002).

*Tarbiyah* atau pendidikan adalah sesuatu yang sangat asasi dan penting bagi manusia. Dengan pendidikan, manusia dapat menguasai alam semesta demi mempertahankan hidup. Disebabkan peri pentingnya pendidikan, Islam menempatkan pendidikan pada kedudukan yang sangat unggul. Menurut Ibn Sina, tujuan pendidikan harus diarahkan kepada mengasah seluruh bakat dan potensi yang dimiliki seseorang ke arah kesempurnaan, iaitu perkembangan fizikal, intelektual, dan budi pekerti. Selain itu, tujuan pendidikan perlu diarahkan kepada usaha mempersiapkan seseorang agar dapat hidup bersosialisasi dalam komuniti masyarakat secara mesra dengan menyumbang kepakaran yang dimiliki sesuai dengan kemahiran, kecenderungan, dan potensi yang dimiliki (Mujib, 1997). Hubungan dengan harakah Islamiyyah pula, pelaksanaan tarbiyyah perlu memastikan persekitaran yang baik kekal dalam kehidupan seorang pendakwah. Keadaan ini dapat diwujudkan dengan memberi

penekanan terhadap hidup berumahtangga dan berkeluarga. Harakah Islamiyah mestilah mengaturkan agar ahli-ahlinya berumahtangga dengan muslimat yang juga terlibat dalam dakwah. Ini penting kerana adalah sukar untuk menghayati perjuangan dakwah sekiranya suasana perjuangan itu tidak dihidupkan dalam rumahtangga bersama-sama isteri dan anak-anaknya (Urwah, 1987). Tarbiyah Islamiyah adalah proses penyiapan manusia agar tercipta suatu keseimbangan dalam potensi, tujuan ucapan dan tindakansecara keseluruhan.

Jadi dapatlah disimpulkan pengertian tarbiyah Islamiyah adalah proses mempersiapkan individu dengan persiapan yang menyentuh seluruh aspek kehidupan meliputi ruhani, jasmani, dan akal fikiran. Demikian juga dengan kehidupan duniawi yang berhubungkait dengan kehidupan akhirat yang menjadikan Allah SWT redha dan cinta pada hamba-hambaNya yang bertakwa.

### 3.2 Tarbiyah Usrah dalam surah Makkiyah

Ulama berbeza pendapat dalam definisi surah Makkiyah kerana pandangan yang berbeza dari segi melihat kepada masa, tempat dan orang yang ditujukan ayat-ayat tersebut. Namun, pendapat yang rajih adalah pendapat yang mendefinisikan surah Makkiyah menurut masa ia diturunkan iaitu surah-surah yang diturunkan sebelum hijrah. Ini kerana takrifan tersebut lebih luas dan memudahkan surah-surah dikategorikan mengikut kerangka masa Makkiyah dan Madaniyah (al-Zarqānī, 1996; al-Qaṭṭān, 1998).

Ayat Makkiyah menurut takrifan jumur ulama bermaksud ayat-ayat yang diturunkan sebelum hijrah walaupun bukan diturunkan di Mekah, ianya juga meliputi ayat-ayat yang diturunkan semasa perjalanan Rasulullah SAW ketika berhijrah. Ada keistimewaan tersendiri yang terdapat pada ayat-ayat Makkiyah ini antaranya (Abū Shahbah, 1992):

i. Ayat *Makkiyah* berorientasi dakwah bagi mengajak kepada keimanan kepada Allah SWT dan kebenaran hari akhirat, begitu juga kebenaran risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW

ii. Ayat *Makkiyah* memberitahukan tentang songsangnya kepercayaan orang-orang musyrik yang menyembah berhala.

iii. Ayat *Makkiyah* mengajak kepada *uṣūl sharī'ah* secara umum dan adab, seperti solat, sedekah, berbakti kepada ibubapa, rendah hati, hubungan baik antara sesama dan sebagainya.

Al-Quran keseluruhannya diturunkan untuk tarbiyah dan memimpin ke arah pembinaan ummah bertanggungjawab dengan amanah kepimpinan yang cemerlang di muka bumi ini. Al-Quran melihat kehidupan manusiawi merupakan medan yang paling sesuai untuk beribadah kepada Allah SWT sesuai dengan apa yang disyariatkan (al-Bāz, 2007). Melangkau ilmu yang digarap dari zaman Romani, Yunani dan Eropah yang kegelapan dalam lipatan sejarah, manhaj dakwah yang berlandaskan al-Quran telah meletakkan Islam pada kedudukan yang unggul dan berkuasa ke atas manuia kerana Islam telah diturunkan oleh Allah SWT yang mengetahui apa yang baik untuk hamba-hambaNya.

Justeru, kehidupan berkeluarga hendaklah diasaskan dengan ajaran-ajaran dalam al-Quran dan aspek tarbiyah ataupun pendidikan telah dikenalpasti berada dalam beberapa surah-surah Makkiyah yang terdapat dalam Juz Amma. Surah-surah tersebut adalah surah *al-Zalzalah*, *at-Takāthur*, dan *al-Aṣr*.

#### 4. Perbincangan

##### 4.1 Surah al-Zalzalah

Menurut Ibn Manẓūr di dalam kitabnya *Lisān al-‘Arab*, *Zalzalah* bermaksud tanah yang bergetar dan gegaran yang menyebabkan berlakunya gempa bumi. Kalimah ini juga turut membawa maksud pergerakan yang amat kuat. Kalimah ini turut memberi makna goncangan bumi yang berlaku secara semulajadi yang terjadi di bawah permukaan tanah. Walaupun kebanyakan cendekiawan Islam berpendapat Surah al-Zalzalah berkaitan gempa bumi menandakan hari kiamat dan berakhirnya dunia namun ayat pertama Surah al-Zalzalah boleh dianggap sebagai huraian peristiwa gempa bumi (Basiron, 2013).

Merujuk kepada mashaf dan beberapa riwayat surah al-Zalzalah diturunkan di Madinah, tetapi di dalam riwayat-riwayat yang lain surah ini diturunkan di Mekah. Quṭb (2004) di dalam *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur’ān* mentarjihkan riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Mekah kerana pokok persoalan dan gaya pengungkapannya menguatkan riwayat ini. Ibn Kathīr (t.th.) juga menyatakan ia adalah surah Makiyyah.

Di zaman Rasulullah SAW ayat-ayat seperti ini tidak akan didengari dan dipercayai oleh orang-orang kafir Quraisy. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Yassin [36] ayat 45 dan 46. Surah ini diturunkan oleh Allah SWT untuk tatapan orang-orang yang beriman. Gambaran hari kiamat seperti ini dapat menambahkan lagi keimanan mereka. Ayat-ayat al-Quran dapat menerangkan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku seolah-olah ia sedang berlaku dan dapat dirasai oleh setiap pembacanya. Sebagai tindakbalas, orang-orang yang beriman akan lebih berwaspada dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai reda Allah SWT.

Al-Zuhailī (2009) dalam *Tafsīr al-Munīr* menyatakan sebab penurunan surah ini kerana orang-orang kafir sentiasa bertanya tentang hari kiamat dan hari perhitungan. Sehingga surah ini menjelaskan kepada mereka tentang tanda-tanda hari kiamat agar mereka mengetahui bahawa hari kiamat itu hanya Allah SWT yang tahu bila akan berlaku. Allah SWT berfirman:

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ١ وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ٢ وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا ٣ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ٤ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا ٥ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ ٦ لَهَا يَوْمَئِذٍ مِّنْقَالٍ ذَرَّةً خَيْرًا يَرَهُ ٧ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةً شَرًّا يَرَهُ ٨

al-Zalzalah (99): 1-8

Maksudnya:

Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya. Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya. Dan berkatalah manusia (dengan perasaan gerun); “Apa yang sudah terjadi kepada bumi?” Pada hari itu bumipun menceritakan khabar beritanya: Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (berlaku demikian). Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) - untuk diperlihatkan

kepada mereka (balasan) amal-amal mereka. Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

#### 4.1.1 Tafsiran ZAG

Ketika mentafsirkan surah al-Zalzalah ayat 1 hingga 8, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubaili, 2006):

*“Sesungguhnya pada hari kiamat (bumi) gempa, bergoncang, bergegar dan terbalik hingga menjadikan apa yang ada di dalam perut bumi akan berada di permukaannya. Pada masa itu, manusia mengingkari perkara tersebut (tidak memercayainya) kerana keadaan tanah pada ketika itu merupakan sebuah benua yang tenang, lagi tetap dan dalam keadaan manusia masih kekal berada di atas muka bumi. Dia melaung, “Apakah yang berlaku kepada bumi ini dan bagaimana kejadian seperti itu boleh berlaku? (Ketika itu) Allah SWT mengeluarkan siapa sahaja di dalam kubur, dan siapa yang masih hidup akan mati kemudian dibangkitkan. Maka pada hari tersebut bumi akan bebicara tentang apa yang telah terjadi padanya, dan tentang apa yang dilakukan oleh orang yang bekerja di atasnya. Pasti Allah (mewahyukan) kepada bumi, maka bumi patuh mendengar dan melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Maha Berkuasa lagi Bijaksana (Hari tersebut di keluarkan manusia dengan bermacam-macam bentuk) dalam beberapa bahagian dan kumpulan, untuk menyaksikan laporan amal mereka dan apa yang tercatat di dalamnya. Maka sesiapa yang melakukan amal kebaikan maka dia akan menemuinya (mendapat ganjaran), dan siapa yang melakukan amal kejahatan maka dia akan menemuinya (mendapat balasan), itulah hari pembalasan”.*”

Berdasarkan tafsiran di atas, dapat difahami bahawa ZAG memberikan gambaran terhadap senario permulaan kejadian kiamat. Dalam ayat ini digambarkan bahawa bumi begitu huru-hara, penuh gegak gempita sehinggakan gunung-ganang bertaburan sehinggalah isi perut bumi yang terdiri dari mayat manusia dan khazanah perut bumi juga terhambur keluar (Wan Ahmad, Mohd Zainal Abidin, & Mohamed, 2018). Gambaran permulaan kiamat ini diberi khusus kepada orang-orang Mukmin yang beriman oleh Allah SWT supaya beringat-ingat dengan setiap perbuatan baik dan buruk mereka sementara masih hidup di atas muka bumi ini. Pada hari pembalasan akan timbul penyesalan yang amat sangat. Orang Musyrik menyesal kerana tidak beriman, dan tidak mengindahkan seruan Islam, manakala orang Mukmin menyesal kerana tidak beramal dengan amalan yang banyak.

#### 4.1.2. Unsur Tarbiyah dalam Surah al-Zalzalah

Surah al-Zalzalah ini mendidik orang beriman mengenai hari kebangkitan. Apabila seseorang menyakini akan kejadian yang akan berlaku sebelum hari kiamat, maka dia akan melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dengan sebaik-baiknya. Ini adalah kerana, dia akan menyaksikan sendiri perbuatannya di dunia dan balasan yang bakal diperolehinya di akhirat (Makmun-Abha, 2013). Setiap individu muslim perlulah sentiasa mengingatkan ahli keluarga mengenai hari kebangkitan dan membuat persiapan yang rapi bagi menghadapi alam akhirat. Setiap ahli keluarga perlu dipersiapkan untuk menjadi ahli syurga, supaya mereka memilih jalan hidup yang lurus dan benar.

Keadaan yang penuh kegoncangan pada Hari Kiamat nanti, akan menyebabkan seseorang itu lari dari saudaranya, dari ibu dan ayahnya, dari isteri dan anak-anaknya, kerana masing-masing akan risau menghadapi urusannya sendiri. Mengenangkan hal ini, seharusnya umat Islam menyiapkan ahli keluarga masing-masing untuk memiliki kecintaan yang jitu kepada Allah SWT, Rasulullah SAW dan ummah supaya keadaan huru hara pada ketika itu nanti akan dapat dihadapi dengan tenang. Menurut HAMKA (2018), ayat-ayat dalam surah al-Zalzalah ini menjadi ubat bagi orang-orang yang beramal dengan ikhlas untuk agama, untuk bangsa dan perikemanusiaan, tetapi mereka dilupakan dalam sejarah, misalnya kerana kepentingan politik. Meskipun di dunia mereka dilupakan orang, namun kebajikan dan jasanya di kala hidupnya tetap tercatat di sisi Allah SWT dan disaksikan kelak di Hari Kiamat.

#### 4.2 Surah al-Takāthur

Surah ini dinamakan al-Takathur diambil dari perkataan *takāthur* yang terdapat pada ayat pertama. *al-Takāthur* ertinya bermegah-megahan atau berlumba-lumba untuk mendapat harta kekayaan, anak-pinak, pangkat dan pengaruh dengan sebanyak-banyaknya (al-Zuhailī, 2009). Ibn ‘Āshur (1984) menyatakan surah al-Takāthur yang keras, serta tajuk surah yang menyelar orang yang bermegah-megah dengan harta dan puak, menunjukkan surah ini diturunkan mengenai kaum Musyrikin. Orang mukmin pada masa itu terutama orang Ansar telah sekian lama terdidik supaya bersifat qanaah dan tidak bermegah-megah dengan kelebihan sendiri.

Bagaimanapun pada akhir zaman ini, dapat disaksikan senario yang lebih kurang sama, bahkan dengan skala yang lebih luas. Bilamana sebelumnya penyakit itu hanya menjangkiti masyarakat kafir di kota Mekah, kini menular merasuk kebanyakan umat Islam di serata negara dunia. Allah SWT berfirman:

أَلْهَيْكُمْ النَّكَاثِرَ ۙ حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ۚ ۲ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ۚ ۳ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ۚ ۴ كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ  
الْيَقِينِ ۚ ۵ لَنَرَوُنَّ الْجَحِيمَ ۚ ۶ ثُمَّ لَنَرَوُنَّهَا عَيْنَ الْيَقِينِ ۚ ۷ ثُمَّ لَنُنسَ ۙ لَّنَّ يَوْمَئِذٍ ۙ عَنِ النَّعِيمِ ۙ ۘ  
al-Takāthur (102): 1-8

Maksudnya:

Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh). Sehingga kamu masuk kubur. Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk pada hari kiamat)! Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui - (apa yang kamu akan hadapi) - dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekalan kamu untuk hari akhirat). (Ingatlah) demi sesungguhnya! - Kamu akan melihat neraka yang marak menjulang. Selepas itu - demi sesungguhnya! - kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)! Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!

##### 4.2.1 Tafsiran ZAG

Ketika mentafsirkan surah al-Takāthur ayat 1 hingga 8, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubailī, 2006):

*"Allah SWT berfirman: Kecintaan kamu pada dunia, nikmatnya dan segala perhiasannya telah menyibukkan kamu daripada mencari balasan akhirat dan tuntutanNya. Kamu terus melampau begitu sehingga kamu didatangi Malaikat Maut dan kamu mendatangi kubur serta menjadi ahlinya. Ini adalah peringatan dan ancaman terhadap orang-orang yang menjadikan harta benda mereka sebagai Tuhan yang telah melalaikan mereka daripada mematuhi perintah Allah Yang Mulia lagi Bijaksana. Mereka berlebih-lebihan dengan kemegahan mereka sehingga sombong terhadap orang Mukmin hingga mereka mendatangi (kubur) dan dikebumikan padanya. Mereka akan mendapat balasan atas segala perbuatan mereka yang merupakan azab api yang panas. Ini adalah permulaan azab dariNya. (Janganlah begitu, kamu pasti akan tahu) bahawn hari Kiamat, pasti datang. Janganlah begitu. Kalau kamu tahu dengan penuh yakin pasti kamu akan meninggalkan dunia dan kamu akan sentiasa dalam hubungan yang baik dengan Allah. Tapi dunia telah menggoda kamu hingga melalaikan kamu, sedangkan kamu di hari Kiamat. Kamu akan melihat neraka jahanam, kemudian kamu pasti melihatnya dengan penuh yakin di saat itu kamu pasti berdukacita. Akan tetapi, ketika itu kesedihan tidak berguna lagi kerana Allah akan menyoal kamu dan menghisab kamu tentang sejauh manakah kamu mensyukuri nikmat yang telah diberikan kepada kamu. Daripada nikmat kesihatan, nikmat keamanan, nikmat rezeki dan nikmat selain itu, tetapi di hari itu kamu tidak akan mendapat jawapan (untuk mengelak balasan api neraka kerana segala nikmat yang telah didustakan). Sedangkan api neraka memanggil-manggil kamu yang pasti kamu perlu menyahutnya."*

Berdasarkan tafsiran di atas, dapat difahami bahawa ZAG menekankan tentang surah al-Takathur yang mengingatkan manusia supaya berwaspada dengan dunia dan bersedia untuk pemergian ke alam akhirat yang pasti tiba. Surah ini mengandungi pengajaran bahawa manusia dilalaikan oleh berlumba-lumba kerana mengejar harta kekayaan yang tidak pernah menjemukan, kedudukan yang selesa dan darjah kebesaran yang melekakan. Surah ini juga mengingatkan manusia dengan persoalan-persoalan yang bakal dihadapi di Akhirat tatkala di hisab semua amalan yang pernah dilakukan di dunia. Mereka akan ditanya dari mana sumber kekayaan diperolehi, bagaimana harta diuruskan dan ke mana ia dihabiskan. Manusia akan menghadapi saat-saat sukar jika gagal menjawab soalan-soalan ini dengan betul. ZAG juga mentafsirkan berkaitan huru hara kiamat, iaitu hari yang tidak berguna padanya harta dan kekayaan, kecuali yang diuruskan mengikut kehendak Allah dan RasulNya (al-Sa'di, 2002).

#### 4.2.2 Unsur Tarbiyah dalam Surah al-Takāthur

Surah ini mengingatkan umat Islam supaya tidak mengingkari segala nikmat yang Allah SWT telah berikan kepada umat manusia. Allah SWT mencela golongan yang disibukkan dengan kenikmatan dunia dan berbangga-banga dengan harta yang banyak dan anak-pinak sehingga lupa mentaati Allah SWT (Shodiq, 2020). Segala perbuatan baik dan jahat akan dibalas di akhirat, maka sebelum manusia menyesali segala-galanya, lebih baik sedar dan terus bertindak untuk melakukan kebaikan pada setiap masa. Ahli keluarga hendaklah sentiasa diingatkan untuk bersyukur dan berterima kasih kepada sesama sendiri. Keindahan akhlak dalam rumah dapat diperhatikan dengan perkataan baik yang dilafazkan sesama ahli keluarga, saling hormat menghormati, bertolak ansur dan mensyukuri segala nikmat yang ada, baik sedikit mahupun banyak.

Pada surah ini turut diperingatkan bahawa manusia akan menjalani alam kubur dan seterusnya menuju ke alam akhirat. Di waktu itu, semua manusia akan menyaksikan bahawa harta dunia yang dimegahkan sama sekali tiada ada ertinya, kerana yang bererti hanyalah amalan soleh di dunia untuk diambil hasilnya di akhirat. Semua nikmat

yang Allah SWT berikan, seperti kesihatan badan, pendengaran, penglihatan, segala kepuasan duniawi akan ditanyanya bagaimana dia memakai nikmatNya dan bagaimana dia membayarkan haknya. Sebab itu, hati-hatilah dalam setiap perkara dan hendaklah kita mensyukuri segala nikmat Allah SWT, janganlah melupakan kepada yang dianugerahkan nikmat, kerana terpesona oleh nikmat itu sendiri (Hamka, 2018).

Menziarahi kubur adalah ubat yang paling mujarab bagi melunakkan hati kerana amalan ini mengingatkan seseorang tentang kematian dan Hari Akhirat. Allah SWT memberi ancaman berulang-ulang bahawa betapa benarnya azab kubur dan Hari Akhirat. Mereka yang tidak memperdulikan ancaman Allah SWT ini akan menyesal dan menanggung duka nestapa yang amat berat. Manusia akan disoal-siasat tentang segala nikmat dunia yang diperolehi begitu juga punca pendapatan dan perbelanjaan akan ditanya. Orang Mukmin perlu membaja sifat qanaah dan bersyukur atas segala nikmat yang diberikan (Usman, Shahrudin, Salleh, Nasir, Wazir, & Shahabudin, 2020). Kenikmatan hidup dunia hanya babak pendek dalam perjalanan hidup yang panjang. Orang beriman akan memberikan perhatian yang berat kepada Akhirat dan mengenyahkan kenikmatan dunia yang menjadi kegemaran orang-orang yang berjiwa kosong.

#### 4.3 Surah al-'Aşr

Surah al-'Aşr mengandungi tiga ayat yang tergolong dalam kategori Surah Makkiyah dan diturunkan selepas Surah al-Inshirah. Surah ini mempunyai hubungan dengan surah al-Takathur di mana manusia suka berbangga-bangga dengan harta yang banyak dan dengan apa sahaja yang dapat melalaikan mereka daripada mentaati Allah SWT. Dalam surah al-'Aşr ini pula disebutkan tabiat manusia yang mendorong kepada kebinasaan dan menjerumuskannya ke lembah kehancuran, kecuali orang yang dilindungi oleh Allah SWT dan dihindarkan daripadanya kejahatan hawa nafsunya (al-Baghāwī, 1991). Di samping itu, disebutkan juga orang yang mengikut hawa nafsu dan telunjuk syaitan sehingga terjerumus ke lembah kebinasaan. Dalam surah ini juga disebutkan orang yang menghiasi diri mereka dengan tabiat yang baik, beriman kepada Allah SWT dan beramal soleh serta saling menasihati antara saudara-saudaranya agar berpegang teguh dengan tali kebenaran dan sabar menghadapi perkara-perkara yang tidak diinginkan (Ramadhani, 2018). Allah SWT berfirman:

وَالْعَصْرِ ۱ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۨ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ ۢ

Surah al-'Aşr (103): 1-3

Maksudnya:

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

##### 4.3.1 Tafsiran ZAG

Ketika mentafsirkan surah al-'Aşr ayat 1 hingga 3, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubailī, 2006):

*"Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Bijaksana telah bersumpah dengan waktu A'sar, iaitu di antara tengah siang, bahawa Allah bersumpah bahawa (manusia adalah dalam*

*kerugian) iaitu kerugian dan kebinasaan, (kecuali orang-orang yang beriman) dengan hati mereka, jadi mereka tidak binasa (kerugian). Ini adalah kerana mereka beriman dengan Allah SWT dan dengan Rasul-rasulNya dan kitab-kitabNya, dan mereka adalah dari kalangan penyokong dan pembantu Nabi Muhammad SAW. Kemudian mereka juga beramal saleh dengan sepenuh jiwa raga mereka, menunaikan solat, dan mengeluarkan zakat, dan berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah bilamana mereka mampu. Mereka berada di atas aqidah yang murni dan menjadi paksi ibadat mereka. Mereka mensucikan jiwa mereka dari segala kekotoran (dan mereka saling berpesan-pesan dengan kebenaran). Mereka melaksanakan segala ketaatan dan meninggalkan segala yang diharamkan, saling berpesan-pesan dengan kesabaran di atas dalam segala kesusahan dan ketentuan-ketentuan Allah. Walaupun menghadapi segala kesulitan, maka mereka terus tetap di atasnya. Mereka adalah golongan yang hampir (muqarrabun) dengan Allah Maha Mulia lagi Bijaksana”.*

Berdasarkan tafsiran di atas, dapat difahami bahawa ZAG membentangkan kepada pembaca tentang cara-cara untuk berjaya dalam kehidupan dan menuju ke syurga Allah SWT. Dalam surah ini, Allah SWT telah bersumpah atas nama masa yang menunjukkan tentang kepentingan masa dalam kehidupan manusia (Shihab, 2002). Allah SWT turut memberi penegasan tentang kerugian manusia apabila berinteraksi dengan masa. Manusia yang mempunyai sifat lupa dan lalai selalu mencuaikan disiplinnya terhadap masa. Penegasan Allah SWT di awal ayat dengan perkataan “sesungguhnya” menjelaskan bahawa kebanyakan manusia itu rugi dalam memanfaatkan masanya dengan kebaikan (Dozan, 2019).

ZAG turut menyentuh perkara iman sebagai sumber kebahagiaan yang sejati, kegembiraan yang sebenar dan penghargaan terhadap kehidupan dunia sebagai tempat bercucuk tanam untuk ganjaran akhirat. Iman akan menghasilkan ibadah sebagai bentuk penyembahan mutlak kepada Allah SWT tanpa selainNya. Apabila iman telah wujud sebagai akar penggerak dalaman yang utama maka amal soleh merupakan buah-buahan ranum yang kelihatan dari pohon keimanan itu. Tidak dinamakan seseorang itu Mukmin sekiranya dia tidak berusaha untuk merelisasikan kewujudan amal soleh. Tidak mungkin keimanan yang wujud dalam diri seseorang itu kaku dan tidak bergerak, selamanya beku dan tidak mencair. Melalui iman dan amal soleh, seorang Muslim telah menyempurnakan diri sendiri, tetapi saling menasihati akan menyempurnakan orang lain. Nasihat atas nama kebenaran melalui pendalilan secara naqal dan ditegaskan dengan akal yang sihat, sesuai dengan realiti dan selaras dengan fitrah, akan menjadikan kebenaran dapat ditegakkan sehingga dapat dirasai oleh seluruh manusia.

#### 4.3.2 Unsur Tarbiyah dalam Surah al-‘Aşr

Surah al-‘Aşr mengingatkan umat manusia untuk menjaga masa dan sentiasa berpesan-pesan dalam kebenaran dan kesabaran (al-Ṭabarī, (t.th.). Manusia pasti berada dalam kerugian dan kebinasaan kecuali mereka beriman dengan sepenuh hati dalam beriman pada Allah, rasul-rasul dan kitab-kitab. Pengikut Nabi Muhammad SAW sentiasa beramal soleh dengan sepenuh jiwa dan raga, saling pesan berpesan serta melaksanakan ketaatan dan menjauhi laranganNya. Untuk mengelakkan diri dari kerugian, mereka menjadi golongan yang taat dan hampir kepada Allah SWT melalui amal soleh dan saling pesan berpesan. Ketua keluarga wajib menjaga masa anak-anak, khususnya dalam soal solat dan pembelajaran (Nurasih, Rasidin, & Witro, 2020).

Masa dijadikan Allah SWT sebagai satu sumpahan (Demi masa!), supaya ia menjadi sesuatu yang diingati dan digunakan sebaik-baiknya. Setiap yang bernyawa, pasti akan

mati. Bagaimana dia menggunakan masanya (kehidupannya), akan menjadi kegembiraan atau sesalannya pada usia tua, ataupun setelah kematiannya. Masa yang telah berlalu, tidak dapat diulang lagi. Maka diperingatkan masa itu kepada kita dengan sumpah, supaya ia tidak dipersia-siakan mahupun diabaikan. Sejarah kemanusiaan ditentukan oleh edaran masa (Hamka, 2018).

Hanya dalam tiga ayat, dapat menggambarkan kehidupan manusia yang dikehendaki oleh Islam yang berlaku sepanjang zaman dan pada setiap generasi. Sangat mudah formula yang telah digariskan oleh Allah SWT sebagai manhaj dan jalan daripada kerugian seperti yang dirumuskan dalam surah ini, iaitu iman, amal soleh, saling menasihati dalam mentaati kebenaran dan menetapi kesabaran (al-Qurṭubī, 2006).

### 5. Implikasi dan Cadangan

Bagaimana tarbiyah ini mengandungi panduan hidup yang lengkap bagi kehidupan manusia, maka sedemikian jugalah ia mempunyai manhaj atau tatacara hidup yang sempurna pada setiap bidang kehidupan sama ada dalam keluarga kemasyarakatan, politik dan ekonomi. lengkapnya ini semata-mata untuk mewujudkan keseimbangan dan keserasian di antara manusia dan dirinya dan di antara dan masyarakat yang hidup bersamanya. Mereka boleh hidup dengan harmoni tanpa berlaku pertarungan dan percanggahan yang boleh merosakkan. Dengan memahami hakikat tarbiyah usrah dalam surah-surah Makkiah ini, keluarga Muslim beroleh kekuatan untuk mengaplikasikan ajaran al-Quran dan menghayati keindahannya dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kajian ini secara keseluruhannya menggunakan pendekatan kajian kepustakaan melalui penelitian tafsir-tafsir al-Quran, artikel jurnal dan buku-buku yang berkaitan. Justeru dicadangkan kajian lanjutan pada masa hadapan boleh melibatkan temubual dengan para mufarisin kontemporari supaya ilmu mereka dapat digarap secara langsung sementara mereka masih hidup lagi.

### 6. Kesimpulan

Bagi setiap manusia, ada kehidupan dunia begitu juga kehidupan akhirat dengan iktibar apa yang akan ditempuhnya nanti. Manusia yang beriman dan bertakwa pada Allah SWT, akan menjadikan pada setiap tingkah lakunya, gerak lakunya, diamnya dan setiap apa yang terbit daripadanya adalah diletakkan dalam *tarbiyyah qur'āniah*. Tarbiyah Qurani ini memberikan apa yang baik untuknya dan apa yang membawa bahagia dalam hidup di dunia dan akhirat.

Manhaj al-Quran tidak mencukupi dan tidak memadai dengan mengajar manusia ilmu duniawi atau agama semata-mata. Umat Islam wajib mempelajari kedua-dua ilmu duniawi dan ukhrawi. Islam menganggap bahawa duduk bersahaja dan malas daripada bekerja adalah sikap negatif yang boleh memudaratkan seseorang dan masyarakat. Oleh itu, tarbiyah usrah mencegah kemalasan dengan cegahan yang sangat dalam kebanyakan ayat-ayat al-Quran dan hadis. Tarbiyah usrah dalam surah Makkiah terpilih ini dapat mewujudkan kesedaran dalaman untuk menjadi ahli keluarga dan mukmin yang sempurna. Manhaj al-Quran dalam tarbiyah usrah menjadikan setiap ahli keluarga itu mendapati kewujudan Allah SWT pada setiap apa yang diperintahkan. Setiap ahli keluarga juga menjauhkan daripada apa yang dilarang Allah SWT, sentiasa beramal soleh dan saling bantu membantu dalam kebaikan dan takwa. Mereka tidak

sama sekali bantu-membantu dalam urusan dosa dan permusuhan, serta melarang daripada kemungkar, beramal untuk menegakkan kalimah Allah SWT, berkorban pada setiap apa yang dimiliki daripada dirinya, hartanya, agamanya dan kemuliaan umatnya. Hasil dapatan kajian ini, diharapkan agar dapat digunakan dalam program-program usrah dan juga penerapan serta penghayatan dalam keluarga Muslim bagi mereka yang tidak menganggotai sebarang Jemaah Harakah Islamiyyah.

## Rujukan

- Ab Ghani, S. R., Omar, R., Enh, A. M., & Kamaruddin, R. (2020). Pendekatan Komunikasi Kepemimpinan Dalam Strategi Berdakwah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1972-2004. *e-Bangi*, 17(5).
- Abū Shahbah, M. (1992). *al-Madkhal li Dirāsah al-Qurān al-Karīm*. Kaherah: Maktabah as-Sunnah.
- Adabi, F. E. F., & Yusof, M. (2020). Pembangunan Mahasiswa Melalui Program Tarbiah oleh Belia Harmoni di Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 95-132. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.4>.
- Adnan, A. A. Z. & Ahmad., N (2009). *50 Tokoh Islam Yang Mengubah Dunia*. Kuala Lumpur: t.pt.
- Ahmad, I. (2005). *Panduan Usrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Al-Abdlie, J. J. A. (2019). *A Multidimensional Approach to Islamic Feminism: Comparing the Writings of Amina Wadud, Fatima Memissi, and Zainab Al-Ghazali* (Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan), Hamad Bin Khalifa University, Qatar.
- al-Baghāwī, M. (1991). *Tafsir al-Baghāwī: Ma'ālim al-tanzīl*. Jil. 15. Riyadh: Dar al-Tayyibah.
- al-Bannā', H. (2003). *Himpunan Risalah Imam Hasan Al-Banna*. t.tp.: t.pt.
- al-Bāz, A. (2007). *al-Tafsīr al-Tarbawī Li al-Qur'ān al-Karīm*. Kaherah: Dar Salam.
- al-Hashīmī, I. (1989). *Al-Dā'iyah Zainab al-Ghazālī: Masīrah Jihād wa Ḥadīth min al-Dhikriyāt min Khilāl Kitābatihā*. Kaherah, Mesir: Dar al-l'tisam.
- al-Jubailī, Z. A. (2006). *Nazarāt fī Kitābillah*. Jil. 1 & 2. Kaherah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nashr.
- al-Mawdūdī, A. (1984). *Fundamentals of Islam*. Bandung: Pustaka.
- al-Qaṭṭān, M. (1998). *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qurṭubī, A. A. (2006). *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 16. Beirut: Maktabah al-Risalah.
- al-Sa'di, A. (2002). *Taysīr al-Kalim al-Rahmān*. Arab Saudi: Dar al-Salam.
- al-Ṭabarī, A. J. (t.th.). *Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl āy al-Qur'ān*. Jil. 15. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- al-Zarqānī, M. A. A. (1996). *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al-Islami.
- al-Zuhailī, W. (2009). *Tafsīr al-Munīr*. Jil. 15. Beirut: Dar al-Fikr.
- Basiron, N. F. M. (2013). Rujukan al-Quran dan al-Hadith dalam Penelitian Fenomena Gempa Bumi. *Jurnal Usuluddin*, 38, 31-50.
- Debian, R. E. A. M. (2017). Packaging Zainab Al-Ghazali: The Gendered Politics of Translation and the Production of "Moderate" Muslim Sister and Islamism. *International Relations*, 5(4), 205-224. <https://doi.org/10.17265/2328-2134/2017.04.002>.

- Dozan, W. (2019). Analisis Makna al-'Asr Studi Komparatif Terhadap Tafsir al-Miṣbāh dan Tafsir al-Sya'rāwī. *el-'Umdah*, 2(1), 38-55. <https://doi.org/10.20414/el-umdah.v2i1.911>.
- Fakhrudin, A., & Awang, A. (2020). Sorotan Literatur Terhadap Cabaran Pendidikan Islam Anak-Anak Mualaf di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 444-455.
- Ghazali, U. Z. M., & Sabjan, M. A. (2019). Zainab Al-Ghazali: Sejarah Kebangkitan Mujahidah Islam di Mesir: Zainab Al-Ghazali: A History of Mujahidah Awakening in Egypt. *'Abqari Journal*, 46-58. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol19no1.192>.
- Hāmid, A. G. (2007). *Min Juhūd al-Ma'rah Fi Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Mesir: al-Nashr Lil al-Jamia'at.
- Hamka. (2018). *Tafsir Juz Amma*. Malaysia: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Herry, S. H. (2019). *Zainab Al-Ghazali Tokoh Reformis Islam di Mesir (1917-2005)* (Latihan Ilmiah, tidak diterbitkan), Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia.
- Hodzori, N. K., Majid, L. A., & Abdullah, W. N. W. (2020). Pembudayaan Positif di Sekolah dalam Mencegah Remaja daripada Berpacaran: Positive Culture at School in Preventing Teenagers from Coupling. *Sains Insani*, 5(1), 8-13. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.122>.
- Hussin, M. Y. (2019). *Usrah dan Harakah: Beberapa Panduan Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Ibn 'Āshur, M. T. (1984). *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 30. Tunisia: Dar Sahnun.
- Ibn Kathīr, A. F. (t.th.). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Izzudin, S. A. (2002). *Tarbiyah Dzatiyah Kiat Sukses Menejemen Diri*. Solo, Indonesia: Burhanul Ikhwan Product.
- Lewis, P. (2007). Zainab al-Ghazali: Pioneer of Islamist Feminism. *Journal of History*, 1-47.
- Maḥmūd, A. H. (2005). *Wasā'il al-Tarbiyyah 'Inda Ikhwān al-Muslimīn*. Qatar: Wahdah al-Islamiyah.
- Makmun-Abha, M. (2013). Gempa Bumi dalam Al-Qur'an (Tafsir Tematik). *ESENSIA: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 14(1), 19-36. <https://doi.org/10.14421/esensia.v14i1.748>.
- Mas'ud, I., Awang, M. Z., Ramli, N. A. A., & Shafi, S. B. M. (2021). Konsep Hospital Mesra Ibadah: Tadbir Urus Berasaskan Maqasid Al-syariah Dan Peranan Zakat. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 71-90. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.31>.
- Mas'udah, L. (2018). Makna Lafadz Tarbiyah dengan Term Lain yang Identik dalam al Quran. *JALIE; Journal of Applied Linguistics and Islamic Education*, 2(1), 187-201.
- Mujib, A. (1997). *Hakikat Pendidikan Islam*. (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan), IAIN Imam Bonjol Padang, Indonesia.
- Nurasih, W., Rasidin, M., & Witro, D. (2020). Islam dan Etika Bermedia Sosial bagi Generasi Milenial: Telaah Surat Al-'Asr. *Al-Mishbah: Jurnal Ilmu Dakwah Dan Komunikasi*, 16(1), 149-178. <https://doi.org/10.24239/al-mishbah.Vol16.Iss1.194>.
- Qutb, S. (2004). *Fi Zilāl al-Qur'ān*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Ramadhani, W. (2018). Bintu Syati' Dan Penafsirannya Terhadap Surah Al-'asr Dalam Kitab At-tafsir Al-bayani Lil Qur'anil Karim. *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alqur'an dan Tafsir*, 3(2), 265-281. <https://doi.org/10.32505/at-tibyan.v3i2.717>.

- Rochmad, R., & Khaled, N. A. (2020). Qadhâya al-Mar'ah al-Ijtima'iyah al-Haditsah 'Inda Zainab Al-Ghazali Fi Tafsiriha "Nazharât Fî Kitâbillah". *Studia Quranika*, 4(2), 201-222. <http://dx.doi.org/10.21111/studiquran.v4i2.3808>
- Shihab, M. Q. (2002). *Tafsir al-Misbah: Pesan Kesan dan Keserasian Al-Qur'an*. Jil. 15. Jakarta: Lentera Hati.
- Shodiq, M. (2020). Mensyukuri Nikmat dan Cara Membuktikannya Perspektif Surat Al-Kautsar Ayat 1-3. *Jurnal Tafsir-Hadits STIU Darul Hikmah*, 6(2).
- Urwah, A. (1987). *Risalah Ushrah*. Jil. 3. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Usman, A. H., Shahrudin, S. A., Salleh, N. M., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R. (2020). Elemen Syukur Dalam Psikoterapi Islam: Adaptasi Terhadap Rawatan Pedofilia. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 86-97.
- Wan Ahmad, W. A., Mohd Zainal Abidin, A. F., & Mohamed, Y. (2018). Analisis Gambaran Perumpamaan Tentang Hari Kiamat dalam Juzuk Amma. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 676-686. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.220>.